

NEWS

# Digitalisasi perkhidmatan awam di Sarawak

By @news September 7, 2021



**Lebih 20 juta penduduk Malaysia sudah terima vaksin**

September 8, 2021



**Lelaki tumbuk cermin masjid meninggal dunia**

September 8, 2021



**Wanita di Kuching rugi hampir RM150,000**

September 8, 2021



**Lima kluster baharu di Sarawak**

September 8, 2021



**Lelaki tumbuk cermin masjid meninggal dunia**

September 8, 2021



**Wanita di Kuching rugi hampir RM150,000**

September 8, 2021



**Lima kluster baharu di Sarawak**



**KUCHING:** Prestasi penjawat awam Sarawak tetap konsisten walaupun persekitaran dan norma kerja berubah disebabkan pandemik Covid-19, kata Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Malah katanya, amanah dan kepercayaan yang diberikan dilaksanakan dengan berintegriti meskipun bekerja dari rumah sudah menjadi kebiasaan pada ketika ini.

“Saya bersyukur, di bawah kepimpinan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Amar Jaul Samion, prestasi penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak tetap konsisten dan tidak pernah menjadikan bekerja dari rumah sebagai satu kekangan atau isu besar untuk melaksanakan tugas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Perasmian Hari Inovasi dan Integriti Tanah dan Survei Sarawak (HIITS) 2021 di Kompleks Dewan Undangan Negeri, di sini semalam.

Justeru beliau berkata, setiap jabatan perlu menekankan aspek pendigitalan perkhidmatan dan penggunaan teknologi terkini agar perkhidmatan awam sentiasa dapat dicapai oleh rakyat pada bila-bila masa.

Menurutnya, Strategi Pembangunan 2030 PascaCovid-19 (PCDS 2030) yang dilancarkan baru-baru ini adalah langkah ke hadapan untuk Sarawak menjadi negeri maju berpendapatan tinggi menjelang 2030.

Katanya, di sebalik pelaksanaan strategi-strategi PCDS 2030 ini, ia adalah didorong oleh inovasi dan berdasarkan data yang konkrit.

“Strategi pembangunan ini akan membawa rakyat Sarawak mengalami pembangunan pesat, sekali gus meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat dengan lebih banyak akses kepada peluang ekonomi.

## Artikel Terbaru

**Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat**

September 8, 2021



**20 lagi lokaliti di Sarawak dikenakan PKPD**

September 8, 2021



**Malaysia menuju 19,000 kematian**

September 8, 2021



**10 sasaran utama Kementerian Alam Sekitar**

September 8, 2021



**Penganalisis politik: Pelantikan Muhyiddin jangan dijadikan isu**

September 8, 2021



**Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat**

September 8, 2021



**20 lagi lokaliti di Sarawak dikenakan PKPD**

September 8, 2021



**Malaysia menuju 19,000 kematian**

September 8, 2021



**10 sasaran utama Kementerian Alam Sekitar**

September 8, 2021



**Penganalisis politik: Pelantikan Muhyiddin jangan dijadikan isu**

September 8, 2021



**20 lagi lokaliti di Sarawak dikenakan PKPD**

September 8, 2021



**Malaysia menuju 19,000 kematian**

September 8, 2021



**10 sasaran utama Kementerian Alam Sekitar**



**Lebih 20 juta penduduk Malaysia sudah terima vaksin**

September 8, 2021



**Lelaki tumbuk cermin masjid meninggal dunia**

September 8, 2021



**Wanita di Kuching rugi hampir RM150,000**

September 8, 2021



**Lima kluster baharu di Sarawak**

September 8, 2021



**Lebih 20 juta penduduk Malaysia sudah terima vaksin**

September 8, 2021



**Lelaki tumbuk cermin masjid meninggal dunia**

September 8, 2021



**Wanita di Kuching rugi hampir RM150,000**

September 8, 2021



**Lima kluster baharu di Sarawak**



“Oleh yang demikian, komitmen perkhidmatan awam amat diperlukan untuk mempermudah pelaksanaan rancangan PCDS 2030 dan memberikan sokongan yang diperlukan kepada kerajaan negeri, sektor swasta dan rakyat,” katanya. Sementara itu, Abang Johari turut menyampaikan penghargaan kepada semua penjawat awam Sarawak yang telah bertungkus-lumus memastikan perkhidmatan awam tidak terjejas sepenuhnya dalam menghadapi cabaran pandemik ini termasuk penjawat awam yang bertugas sebagai sukarelawan serta sukarelawan bukan kesihatan di pusat pemberian vaksin di seluruh Sarawak.

Malah, beliau turut mengingatkan semua penjawat awam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak untuk sentiasa menjaga kesihatan dan menjadi contoh terbaik dalam mempraktikkan norma baharu serta mematuhi prosedur operasi standard kepada rakyat Sarawak yang lain.

“Berkat doa, kerjasama, komitmen padu semua pihak, kita akan dapat membawa Sarawak keluar daripada pandemik ini dan seterusnya Sarawak terus maju, makmur dan sejahtera sentiasa,” katanya.

Dalam pada itu, Abang Johari mahu JTS sentiasa memantau rapi Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) jabatan, yang menggariskan lima strategi dan 55 inisiatif bagi meningkatkan tahap integriti, tadbir urus dan usaha menangani kebarangkalian berlakunya rasuah.

“Saya ingin melihat OACP ini sentiasa dipantau dengan rapi dan serius supaya semua inisiatif yang terkandung dapat dipraktikkan secara cekap dan berkesan,” katanya.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan; Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Jaul Samion, Pengarah Tanah dan Survei Abdullah Julaihi dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia Profesor Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail turut hadir.

**Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat**

September 8, 2021



**20 lagi lokaliti di Sarawak dikenakan PKPD**

September 8, 2021



**Malaysia menuju 19,000 kematian**

September 8, 2021



**10 sasaran utama Kementerian Alam Sekitar**

September 8, 2021



**Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat**

September 8, 2021



**20 lagi lokaliti di Sarawak dikenakan PKPD**

September 8, 2021



**Malaysia menuju 19,000 kematian**

September 8, 2021



**10 sasaran utama Kementerian Alam Sekitar**

